

4 JAN 1996

Mahathir-Pendidikan

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN DIRANGKA DENGAN TELITI, KATA MAHATHIR

ALOR SETAR, 4 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa kerajaan telah memikirkan dengan mendalam dan mengkaji dengan teliti ketika merangka dua rang undang-undang pendidikan yang diluluskan kabinet semalam.

Perdana Menteri berkata: "Kita telah fikirkan dengan cukup mendalam tentang rang undang-undang ini, baik dari segi bahasa, budaya, kepentingan kewangan ataupun aspek-aspek lain.

"Sebab itu kerajaan telah merancang dan kabinet meluluskannya bagi membolehkan ia dilaksanakan nanti."

Dr Mahathir berkata bahawa beliau tidak percaya pelaksanaan rang undang-undang itu hanya akan merugikan negara dan rakyat.

Beliau berkata demikian pada persidangan berita di kediaman Pegawai Daerah Pendang selepas menghadiri majlis perjumpaan dengan rakyat keturunan Thai di Kampung Titi Akar, Pendang kira-kira 40 km dari sini.

Perdana Menteri diminta oleh pemberita menjelaskan kewajaran keputusan kabinet dalam meluluskan draf Rang Undang-Undang Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan draf Rang Undang-Undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996, pada mesyuaratnya semalam.

Dr Mahathir berkata, pelaksanaan program penubuhan IPT swasta di Malaysia dapat membantu mengurangkan aliran keluar mata wang negara.

Katanya, terdapat hampir 50,000 penuntut Malaysia di luar negara sekarang dan perbelanjaan mereka di tempat pengajian mereka amat tinggi.

Beliau berkata bahawa perbelanjaan pelajar di luar negara adalah antara faktor berlakunya defisit dalam imbalan pembayaran.

Dr Mahathir berkata, kerajaan cuba mengatasi masalah aliran keluar mata wang itu melalui program berkembar antara ITP tempatan dan asing, yang didapati dapat mengurangkan perbelanjaan.

"Tetapi, adalah lebih menguntungkan sekiranya para penuntut kita belajar di negara sendiri. Semua wang dibelanjakan di sini," katanya.

Perdana Menteri berkata, pengwujudan IPT swasta akan menyediakan lebih banyak tempat belajar untuk rakyat selain menawarkan peluang pekerjaan.

Katanya, walaupun sebahagian daripada tenaga pengajar terdiri daripada rakyat asing, namun tentu ada peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan di IPT berkenaan.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa kerajaan akan menggalakkan penyertaan swasta untuk menubuhkan IPT di negara ini.

"Kalau hendak harapkan kerajaan melakukannya, kita mungkin tidak berupaya dan terpaksa juga menghantar pelajar ke luar negara," katanya.

Beliau berkata bahawa selain sektor swasta tempatan, peluang juga akan diberikan kepada sektor swasta asing termasuk universiti-universiti luar negara.

Perdana Menteri berkata, beberapa IPT asing menunjukkan minat untuk turut serta dalam program itu tetapi kerajaan hanya akan memilih universiti yang terkenal, yang kelulusannya diiktiraf.

Daripada segi budaya pula, Dr Mahathir berkata bahawa kerajaan mendapati penghantaran penuntut ke luar negara sedikit sebanyak memberi kesan yang negatif kerana akhlak masyarakat di negara-negara tersebut semakin runtuh.

Dr Mahathir berkata: "Dahulunya kita hantar penuntut kerana hendak mendedahkan mereka kepada masyarakat di sana agar mereka mempunyai pandangan yang lebih luas.

"Tetapi ini tidak berlaku ... sekarang mereka (penuntut Malaysia) terlalu ramai dan jarang bercampur dengan orang tempatan.

"Dalam pada itu, kita berpendapat bahawa budaya masyarakat di luar negara tidak sesuai dengan budaya kita memandangkan budaya mereka sudah bertukar sehingga boleh dikatakan moral mereka sudah runtuh. Kita tidak suka rakyat kita didedahkan kepada moral yang rendah."

Beliau berkata penubuhan IPT swasta tempatan akan membolehkan kita menentukan jenis sukatan pelajaran dan bahasa pengantar yang akan digunakan.

Dengan adanya banyak IPT di Malaysia, katanya, negara boleh juga menarik ramai pelajar dari negara-negara jiran dan kedatangan mereka tentu akan menyumbang kepada pendapatan daripada tukaran mata wang asing di negara ini.

Ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf Institut Teknologi Mara (ITM) sebagai sebuah universiti, Dr Mahathir berkata bahawa tahap pendidikan di institusi masih diperlukan.

"Pelajaran di peringkat ITM juga diperlukan. Kalau kita benarkan ITM menjadi universiti, kita terpaksa pula menubuhkan lagi sebuah ITP sepertinya.

"Kita ada keperluan tertentu dan pendidikan di ITM juga sama penting dengan di universiti," katanya. -- BERNAMA